

**PERMOHONAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN  
PENTADBIR AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MAKLUMAT</b>
1.	Kekosongan Jawatan	<b>1. KETUA STAF RESIDEN KOLEJ (KSRK)</b>
2.	Kriteria-kriteria calon yang dikehendaki	Sila rujuk <b>Lampiran B</b> dan <b>Pekeliling Akademik Universiti Teknologi MARA Bilangan 18 Tahun 2023</b>
3.	Cara-cara memohon	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengisi borang yang disertakan bersama dua (2) keping gambar berukuran passport.</li><li>2. Mengemukakan <i>curriculum vitae</i> (CV) yang lengkap (mengandungi butir-butir peribadi, maklumat kerjaya, sumbangan kepada Universiti dan masyarakat serta dua orang <i>referee</i> peribadi).</li><li>3. Nyatakan kelebihan dan sumbangan profesional yang boleh diberikan kepada Universiti sekiranya dipilih memegang jawatan ini (tidak lebih dari dua muka surat sahaja).</li></ol>
4.	Tarikh tutup permohonan	<b>27 Januari 2025 (Isnin)</b>
5.	Permohonan hendaklah dihantar kepada	Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang 18500 Machang Kelantan

**KRITERIA PEMILIHAN JAWATAN  
PENTADBIR AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

Pemilihan jawatan mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

**i. Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah telah disahkan dalam perkhidmatan, mempunyai kelayakan akademik, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod baik dalam p&p, penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran. dan cemerlang dalam khidmat profesional dan tiada masalah intergriti.

**ii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus Penyandang mestilah :**

- a. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati.
- b. Mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik: memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- c. Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- d. Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskan dengan baik serta berhemah.
- e. Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.

**iii. Reputasi**

Penyandang mestilah:

- a. Menjadi *'role model'* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- b. Mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya.

**iv. Personaliti**

Penyandang mestilah:

- a. Seorang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- b. Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni dan negara.

**v. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.**